



Gelaran Profesor Emeritus hanya wujud di universiti. Di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), seorang profesor yang sudah bersara, ternama dalam bidang keilmuan, dihormati komuniti akademik menyumbang secara berterusan kepada perkembangan ilmu, terlibat secara langsung menangani persoalan yang dihadapi negara dan antarabangsa serta masih dianggap malim (tokoh rujukan) khusus dalam bidang kepakaran adalah layak dipertimbangkan kepada penganugerahan gelaran Profesor Emeritus.

Justeru, gelaran tersebut dianggap eksklusif dan berprestij bagi komuniti universiti. Gelaran Profesor Emeritus bukan dipohon

seseorang sarjana, sebaliknya komuniti akademik khususnya dari fakulti asal profesor berkenaan yang mengemukakan permohonan kepada pihak berkuasa universiti supaya dianugerahkan gelaran Profesor Emeritus berasaskan ciri kewibawaan dalam bidang dikuasai.

Dalam permohonan itu, pihak fakulti harus memaparkan pembuktian mengenai keserjanaan melangkaui kebiasaan yang dimiliki calon berkenaan. Selepas memperoleh kelulusan Senat Universiti, perlu disahkan Lembaga Pengarah Universiti sebelum dipersembahkan kepada Canselor untuk perkenaan baginda. Proses seterusnya adalah pemasyhuran gelaran tersebut oleh Canselor dalam majlis konvokesyen.

Oleh yang demikian, memang tidak ramai dianugerahi gelaran Profesor Emeritus. Ini menunjukkan seseorang yang membawa gelaran Profesor Emeritus seorang sarjana tersohor dan disanjung dari sudut keilmuannya. Kalau dalam dunia hiburan, beliau bintang yang disanjung peminat dengan keterujaan apabila mereka bertemu bintang

pujan

Saya pernah menghadiri majlis anjuran pelajar yang menampilkan artis selebriti. Walaupun tidak sebaris artis bernama besar, namun mereka diberikan sambutan luar biasa.

Berbondong-bondong pelajar membanjiri dataran terbuka di hadapan pentas. Jumlah penonton yang hadir termasuk pengunjung luar kampus dianggarkan 3,000 orang pada malam itu.

Selain berebut-rebut bersalaman dan berswafoto dengan artis pujan, mereka secara kolektif mampu pula menyanyikan bersama lagu yang sedang dibawa dengan lirik dan rentak sempurna. Ini sangat mengagumkan hadirin dewasa dan untuk mendamaikan sedikit persoalan kalbu, ada yang mengatakan, "Biarlah, ini zaman mereka".

Ini berbeza pula apabila majlis keilmuan dianjurkan termasuk syarahan oleh seorang Profesor Emeritus. Tidak lama selepas majlis konvokesyen, fakulti

menganjurkan majlis sanjungan untuk profesor mereka yang baru dianugerahkan gelaran Profesor Emeritus. Dalam majlis itu

diperkenalkan dengan tumpuan kepada ketokohan dan perjalanannya dalam bidang kepakaran dan sebagai seorang ahli akademik. Selain pengurusan utama universiti, turut dihadiri komuniti akademik dalam bidang berkaitan, pelajar, rakan peribadi, bekas pelajar dan petugas di fakulti berkenaan. Namun, dewan kuliah berkapasiti 330 orang itu tidak pula penuh sehingga melimpah.

Salah seorang penerima gelaran Profesor Emeritus itu ialah Dr Samsudin A Rahim, seorang sarjana ilmu komunikasi yang mengkhusus dalam bidang komunikasi pembangunan. Tempoh 40 tahun beliau menimba ilmu komunikasi dan menyemainya di pelbagai pelantar menyebabkan beliau diiktiraf sebagai seorang sarjana negara dalam bidang tersebut. Selain menjadi ahli akademik di UKM, beliau menyumbang kepakaran di pelbagai agensi seperti Kementerian Penerangan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Belta dan Sukan, Dewan

Bahasa dan Pustaka, Asian Media and Information Center dan Asian Institute for Development Communication.

Seperi diungkapkannya, komunikasi pembangunan lebih tertumpu kepada penyelesaian isu kemiskinan dan kemunduran dalam

negara dunia ketiga. Matlamatnya bukan saja meningkatkan kualiti hidup, tetapi juga merealisasikan potensi sebenar individu dan komuniti serta memberikan persekitaran yang akan meningkatkan kesejahteraan hidup kumpulan sasaran. Komunikasi pembangunan

bermatlamatkan perubahan iaitu daripada keadaan sedia ada kepada keadaan baru dan lebih baik.

Komunikasi pembangunan melibatkan kerjasama pelbagai pemegang taruh serta pembuat dasar dan silang bidang amat penting untuk mewujudkan

Suburkan sanjungan terhadap ilmuwan



persekitaran kondusif, menilai risiko dan peluang dan menggalakkan pertukaran maklumat ke arah perubahan sosial yang positif melalui pembangunan mapan.

Teknik komunikasi pembangunan yang melibatkan penyebaran maklumat dan pendidikan, perubahan tingkahlaku, pemasaran dan pemuaihan sosial, mobilisasi sosial, advokasi media, komunikasi dan perubahan sosial 'positive devian' dan juga penyertaan komuniti menjadikannya bidang baharu yang menarik perhatian ramai pelajar dalam bidang komunikasi.

Isu beliau merempit, melepak dan salah laku, lebih serius diberikan perhatian oleh pelbagai pihak berkepentingan negara ini apabila Samsudin mengemukakan penyelidikan besar mengenainya sehingga mendorong kerajaan mewujudkan Program Rakan Muda menerusi Kementerian Belta dan Sukan sebagai wahana menangani persoalan tersebut.

Menerusi syarahnnya, saya mengesan kebimbangan beliau terhadap perkembangan mutakhir bidang komunikasi yang semakin menguncap. Baginya dalam realiti dunia, bidang komunikasi dan ICT semakin berkembang dengan teretusnya revolusi komunikasi yang menjadi pemacu kepada pembentukan dunia digital. Bidang ini menjadi kabur tanpa penguasaan mendalam pelajar mengenai perubahan persekitaran media dan komunikasi dalam adunan perkembangan budaya, ekonomi-politik dan sosio-teknikal yang kompleks.

Kekhuatiran beliau jika asas ilmu kurang mantap dan meluas, universiti akan menghadapi kekangan untuk menjalankan penyelidikan yang sempurna bukan saja dari segi tuntutan ilmiahnya, malah untuk mempengaruhi dasar dan industri komunikasi di Malaysia.

Apabila seorang Profesor Emeritus menyuarakan pandangan kritis dalam bidangnya, bagi saya perhatian serius harus diberikan untuk dipertimbangkan sewajarnya demi masa hadapan universiti untuk terus dihormati dan dirujuk. Sebagai seorang bekas pelajar dan akademikawan di universiti yang sama, beliau menyempurnakan tanggungjawabnya dengan berani dan berintegriti.